



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH
**MEREBUT ANUGERAH
TERINDAH DI BULAN
RAMADAN**



Tarikh Bacaan:
13 MAC 2026M / 23 RAMADAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Merebut Anugerah Terindah Di Bulan Ramadan

13 Mac 2026M/ 23 Ramadan 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿٣﴾ سورة القدر
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْوَاحِدُ الْحَقُّ الْمُبِينُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَرْسَلَهُ هِدَايَةً وَرَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ يَا عِبَادَ اللَّهِ وَأَطِيعُوهُ، وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ، وَأَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ
خَيْرٌ وَأَبْقَى.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ketakwaan itulah sebaik-baik bekalan yang akan menyelamatkan kita di dunia dan di akhirat.

Sehubungan itu, ketika kita berhimpun di rumah Allah pada hari yang mulia ini, marilah kita memelihara adab dan kesempurnaan ibadah Jumaat. Hindarilah perbuatan yang boleh mengurangkan pahala Jumaat seperti bersebang, membuat bising, bermain *game* dan gajet serta tidur

dengan sengaja. Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** sentiasa melihat perbuatan kita. Perbuatan sedemikian bukan sahaja mencacatkan adab, bahkan menjejaskan nilai dan ganjaran ibadah Jumaat yang sedang kita tunaikan.

Bagi melengkapikan kewajipan solat Jumaat, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: **Merebut Anugerah Terindah Di Bulan Ramadan.**

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kini kita telah melangkah ke hari-hari terakhir Ramadan, fasa paling bernilai dalam setahun, yang di dalamnya tersimpan kelebihan sepuluh malam terakhir dan janji malam yang lebih baik daripada seribu bulan.

Pada awal Ramadan, masjid dipenuhi, Al-Quran dibaca dengan tekun, solat sunat dikerjakan dengan bersungguh-sungguh dan lidah basah dengan zikir serta doa, namun, apabila Ramadan semakin ke penghujungnya, persoalan besar yang perlu kita muhasabahkan ialah: Adakah semangat itu terus kekal, atau semakin luntur ditelan keletihan dan kelalaian?

Islam tidak menilai sesuatu amalan hanya pada permulaan, tetapi pada kesungguhan mengekalkannya hingga ke akhir. Rasulullah **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** menegaskan dalam sebuah hadis daripada Saidatina 'Aisyah

رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا:

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

Maksudnya: *“Amalan yang paling dicintai oleh Allah ialah amalan yang berterusan walaupun sedikit.”* (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini mengajar kita bahawa kualiti istiqamah lebih utama daripada kuantiti yang bersifat sementara. Ramadan bukan sekadar medan untuk menunjukkan keghairahan di awalnya, tetapi madrasah tarbiah yang melatih jiwa agar konsisten dalam ketaatan, khususnya ketika ujian keletihan dan rasa malas semakin memuncak di penghujungnya.

KAUM MUSLIMIN YANG BERBAHAGIA,

Di sepuluh malam terakhir inilah, Rasulullah ﷺ menggandakan kesungguhan ibadah Baginda; menghidupkan malam, mengejutkan ahli keluarga untuk memperbanyakkan ibadah kepada Allah demi mengejar kelebihan Lailatul Qadar.

Iniilah saat untuk kita membuktikan bahawa ibadah kita tidak terhenti di pertengahan jalan, istiqamah menjaga solat berjemaah melatih kita menghargai masa, menyusun kehidupan dan merasakan kebersamaan sesama mukmin. Demikian juga istiqamah membaca dan mentadabbur al-Quran. Al-Quran bukan hanya teman Ramadan, tetapi sebagai pedoman sepanjang kehidupan.

Ramadan juga melatih kita menjaga lidah dan membersihkan hati. Berpuasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi menahan lidah daripada dusta dan umpatan, serta menahan hati daripada dengki dan prasangka. Kerana itulah Rasulullah mengingatkan bahawa ada orang yang berpuasa, tetapi tidak memperoleh apa-apa selain rasa lapar dan dahaga.

Lebih daripada itu, Ramadan mendidik kita memperbaiki akhlak dan hubungan sesama manusia. Ibadah yang benar pasti melahirkan akhlak yang mulia dan jiwa yang tunduk kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI,

Jika pada awal Ramadan kita mampu bangun qiyamullail dan bermunajat di hadapan Allah, maka janganlah kita biarkan sepuluh malam terakhir ini berlalu dengan kelalaian. Dan jika kita mampu menahan lapar dan dahaga sepanjang siang hari, maka lebih utama kita menahan diri daripada dosa dan maksiat yang menggelapkan hati.

Marilah kita menjadikan hari-hari terakhir Ramadan ini sebagai medan pecutan ibadah, bukan mengendurkan semangat. Mudah-mudahan latihan Ramadan ini menjadikan kita insan yang lebih dekat dengan Allah, lebih lembut hatinya dan lebih istiqamah dalam dalam ketaatan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulan khutbah pada minggu ini, marilah kita mengambil tiga pengajaran utama:

Pertama, Ramadan mengajar kita bahawa nilai amalan terletak pada istiqamah hingga ke akhirnya, bukan sekadar semangat di permulaan.

Kedua, ibadah puasa mendidik kita menjaga solat, al-Quran, lidah, hati dan akhlak agar lahir perubahan yang hakiki dalam diri seorang mukmin bagi meraih anugerah terindah yang dijanjikan Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Ketiga, sepuluh malam terakhir Ramadan adalah masa muhasabah dan pecutan ibadah. Jangan biarkan ia berlalu tanpa kesungguhan kerana di dalamnya tersimpan peluang keampunan dan rahmat Allah yang besar.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah Fussilat ayat 30:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبَّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا

وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata, “Tuhan kami ialah Allah,” kemudian mereka tetap teguh di jalan yang benar (dalam beragama), para malaikat akan turun kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham), “Janganlah kamu bimbang (berlakunya perkara yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu bersedih. Terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada tahun 2012 telah memutuskan bahawa sunat bagi imam membaca doa selepas solat dengan suara yang boleh didengari oleh jamaahnya jika ia bertujuan untuk mengajar mereka, atau untuk mereka sama-sama mengaminkan doa yang dibacakan oleh imam dengan syarat janganlah sampai mengganggu para jamaah lain yang sedang melaksanakan sembahyang, beriktikaf dan sebagainya.

Di samping itu, bersempena **Sambutan Hari Wanita Sedunia 2026 Peringkat Negeri Pulau Pinang**, marilah kita mengambil iktibar bahawa apabila wanita diberikan peluang, dihormati maruahnyanya serta dipelihara

keselamatannya, maka akan lahir keluarga yang sejahtera, masyarakat yang harmoni dan negara yang diberkati.

Justeru, dengan keberkatan bulan Ramadan yang mulia ini, marilah kita bersama-sama memperbaiki sikap dan pandangan kita terhadap kaum wanita dengan menghormati, melindungi serta memperkasa peranan mereka dalam keluarga dan masyarakat. Sesungguhnya memuliakan wanita adalah sebahagian daripada tanda kesempurnaan iman dan kemuliaan akhlak seorang Muslim. Mudah-mudahan dengan usaha tersebut, kita semua dikurniakan keberkatan hidup di dunia serta dianugerahkan kebahagiaan yang berkekalan di akhirat kelak.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أئِمَّتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةً قُؤُلَاوٍ فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG